

19 APR 2003

Gerakan-Perlembagaan/I

GERAKAN MUNGKIN PINDA PERLEMBAGAAN BAGI BOLEHKAN LEBIH BANYAK CAWANGAN
DITUBUHKAN

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Gerakan mungkin meminda perlembagaan parti itu bagi membolehkan lebih banyak cawangan ditubuhkan dalam satu bahagian berbanding maksimum 12 cawangan bagi setiap bahagian sekarang, kata Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Beliau berkata pindaan itu akan membolehkan parti meningkatkan dan memaikan peranan lebih efektif sebagai satu daripada komponen parti utama Barisan Barisan Nasional (BN).

"Dengan hanya 12 cawangan dalam satu bahagian, ia membataskan kita untuk memperluaskan peranan dan keanggotaan parti," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat parti di sini.

Katanya semua perwakilan kebangsaan parti akan diberikan taklimat mengenai cadangan untuk meminda perlembagaan parti pada majlis jamuan malam bagi perwakilan kebangsaan pada 24 Mei.

Setakat ini, Gerakan mempunyai 1,350 cawangan dan 114 bahagian di seluruh negara.

Beliau berkata terdapat tiga permohonan daripada anggotanya untuk membuka cawangan baru tetapi tidak boleh berbuat demikian kerana tidak dibenarkan mengikut perlembagaan parti.

Lim berkata Jawatankuasa Pusat parti itu akan mendapatkan maklum balas daripada anggotanya mengenai cadangan meminda perlembagaan itu sebelum mereka boleh memindanya pada perhimpunan agung tahunan Gerakan pada 23 Ogos.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmuikan perhimpunan agung parti itu yang akan diadakan lebih awal daripada jadual asal 27 Sept.

Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata mesyuarat hari ini, antara lain membincangkan pencerobohan tentera bersekutu yang diketuai Amerika Syarikat ke atas Iraq.

Beliau berkata Gerakan menyokong pendirian kerajaan bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu perlu memainkan peranan penting dalam pembinaan semula Iraq yang musnah teruk akibat pencerobohan itu.

"Kita amat prihatin dan bimbang dengan situasi anarki di Iraq dan penderitaan rakyat Iraq.

"Gerakan akan menyumbang kepada tabung kemanusiaan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk membantu penduduk Iraq," katanya dan menurutnya parti itu masih belum menentukan amaun yang akan mereka sumbangkan.

-- BERNAMA

HS KHY RHM